

4

KOD QR: KARANGAN EKSPOSITORI

Julinda Hassan
Muhammad Irwan Jamal
Ramna Johana
Sarimah Ahmad

Sekolah Menengah Ngee Ann

Abstrak

Ketandusan idea, kekurangan bahan dan kekaburan struktur eseai acap kali dijadikan alasan para pelajar untuk mengelak daripada menjawab soalan karangan ekspositori. Kertas ini akan mengetengahkan strategi pengajaran yang dijalankan di Sekolah Menengah Ngee Ann dalam memupuk minat para pelajar Menengah 3 untuk menangani soalan-soalan karangan jenis ekspositori. Strategi pengajaran yang digunakan turut memanfaatkan rangka kerja *Gradual Release of Responsibility* (GRRF) dan pedagogi yang menggunakan kod QR sebagai alat rangsangan dan pembelajaran kendiri. Melalui strategi ini, kajian ini bertujuan untuk mengadunkan kemahiran digital para pelajar dan kecanggihan teknologi terkini yang ketara dalam wadah dan aplikasi telefon bijak. Dapatkan kajian ini memperlihatkan peningkatan prestasi para pelajar bukan sahaja dalam aspek laras dan mutu bahasa, malah juga kepadatan dan kerelevanan isi yang dikemukakan dalam karangan pelajar.

Pengenalan

Sepanjang pembelajaran bahasa Melayu, para pelajar didedahkan kepada pelbagai jenis karangan seperti karangan jenis naratif, deskriptif dan ekspositori. Setiap jenis karangan yang ditulis oleh para pelajar membolehkan mereka untuk mempamer dan mempraktikkan daya kreatif dan pemikiran kritis serta kebolehan untuk mengaplikasikan pelbagai laras bahasa. Namun, ramai pelajar sering mengelak daripada menulis sebuah karangan ekspositori ketika menjawab soalan karangan bagi kertas ujian dan peperiksaan kerana beranggapan bahawa soalan jenis ekspositori lebih sukar berbanding soalan jenis naratif. Dalam menangani masalah ini, guru perlu memikirkan strategi pengajaran yang menarik, sesuai dan efektif.

Kertas ini akan mengajukan strategi pengajaran yang menggabungkan rangka kerja *Gradual Release of Responsibility* (GRRF) dan kod QR sebagai alat rangsangan dan pembelajaran kendiri. Secara tidak langsung, kajian ini cuba untuk memanfaatkan kemahiran teknologi maklumat para pelajar agar dapat diaplikasikan dalam pembelajaran mereka. Dapatkan kajian amat berguna bagi guru untuk membimbing para pelajar untuk mengaplikasikan set kemahiran dan penulisan yang sesuai ketika menjawab soalan karangan ekspositori dalam kertas ujian dan peperiksaan mereka kelak.

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. mengukur keberkesanan penggunaan teknologi aplikasi telefon bijak dalam meningkatkan prestasi para pelajar menulis karangan ekspositori berdasarkan rangka kerja GRRF;
2. membandingkan hasil kerja para pelajar Bahasa Melayu dan Bahasa Melayu Lanjutan; dan

3. membandingkan penerimaan para pelajar terhadap strategi pengajaran yang dijalankan.

Permasalahan Kajian

Penulisan jenis karangan ekspositori dalam kertas ujian dan peperiksaan biasanya dipandang dengan penuh kegerunan oleh sekumpulan besar pelajar Sekolah Menengah Ngee Ann. Tanpa pertimbangan yang mendalam dan berfikir panjang, pelajar memilih soalan karangan jenis naratif atau deskriptif. Malangnya, sesetengah pelajar hanya berupaya menulis karangan yang hambar apabila berdepan dengan soalan karangan naratif atau deskriptif yang lebih mencabar. Masalah ini menjadi serius sekiranya para pelajar tidak mempunyai sebarang pilihan kecuali menjawab soalan karangan jenis ini sahaja. Lantaran itu, karangan naratif atau deskriptif yang ditulis oleh pelajar rendah mutunya ataupun menyeleweng sama sekali. Oleh sebab itu, keyakinan perlu dipupuk dalam diri pelajar untuk memahami penulisan eseи ekspositori supaya mereka mempunyai alternatif ketika menjawab kertas ujian dan peperiksaan kelak.

Kajian Lepas

Bennet & Cass (1988) mengetengahkan korelasi antara tahap pemahaman para pelajar dengan tanggungjawab guru semasa pengajaran di bilik darjah. Para pelajar sering dilihat sebagai penerima ilmu yang pasif. Dengan itu, guru digesa untuk merancang dan menentukan darjah penglibatan pelajar dalam sesi-sesi pelajaran mereka demi memantau perkembangan pemahaman pelajar secara sistematik dan teratur.

Menurut Aldrich (2005), dalam era teknologi dan media baharu, para pelajar kini lebih terdorong untuk mempelajari sesuatu yang baharu secara kendiri jika maklumat yang

mereka perlukan itu disediakan dalam ruang atau pelantar yang sudah menjadi zon keserasian mereka iaitu dunia siber. Justeru, guru diminta untuk menyalurkan kecenderungan dan kebolehan digital para pelajar supaya teknologi baharu dan pedagogi yang sesuai dapat digabungkan untuk menjana pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu yang berkesan.


Roebuck (2011) menyatakan bahawa dengan berleluasanya alat-alat teknologi bimbit seperti *tablet* dan telefon bijak, fungsi kod QR turut mengalami evolusinya tersendiri iaitu turut mempengaruhi cara sektor pendidikan menyebar luas, berkongsi dan mengawal maklumat kepada kumpulan penerimanya. Kod-kod QR turut mengalami anjakan versi demi menampung jumlah data yang semakin bertambah seperti mutu video definisi tinggi, kejelasan fail-fail audio dan lain-lain lagi.

Perlukah guru mengajar secara eksplisit pada tahap awal sesebuah pelajaran? Sejauh manakah guru menyediakan contoh, model dan perancah untuk para pelajar? Sejauh manakah penglibatan guru dalam mengutarakan arahan, lapor balik dan tindak balas terhadap tahap perkembangan pembelajaran? Inilah di antara persoalan yang harus ditangani dalam menyediakan suasana pembelajaran yang berkesan.

Kaedah Kajian

Tanggungjawab para pelajar dalam proses pembelajaran mereka adalah tunjang utama dalam rangka kerja GRRF. Konsep pertanggungjawaban ini tidak bermaksud bahawa para guru tidak berfungsi atau tidak memainkan peranan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sila rujuk Rajah 1.

Rajah 1: Rangka Kerja *Gradual Release of Responsibility* (GRRF)



Rajah 1 ialah Rangka Kerja *Gradual Release of Responsibility* (GRRF) yang dipetik dan diubah suai daripada Fisher, D. & Frey, N. (2008).

Keharmonian Kaum dipilih sebagai topik karangan ekspositori yang bakal diusahakan oleh para pelajar. Berdasarkan Rajah 1, dapat dilihat tanggungjawab para pelajar terhadap pembelajaran mereka melalui proses peralihan yang berperingkat. Pelajaran berfokus merujuk kepada bahagian pengajaran yang melibatkan pendekatan seluruh kelas. Guru biasanya memerlukan jangka masa yang pendek untuk mengajar dan menjelaskan perkara yang ingin dipelajari oleh pelajar secara eksplisit. Dalam kajian ini, guru menggunakan masa ini untuk menerangkan fungsi pengimbas kod QR dan bagaimana isi kandungan kod-kod QR itu bakal menentukan

hala tuju pengajaran dan pembelajaran pelajar sepanjang unit ini. Pergerakan pembelajaran pelajar kemudian beralih kepada fasa arahan yang berpandu. Di sini, guru mengarahkan para pelajar untuk bekerja secara berkumpulan.

Guru masih mempengaruhi pengajaran dengan memberikan pembayang, lapor balik dan saranan terhadap langkah pembelajaran. Selanjutnya, rancangan pelajaran bergerak ke fasa pembelajaran kolaboratif yang memperlihatkan kebolehan para pelajar untuk bekerjasama dalam menyatukan maklumat sehingga maklumat tersebut menjadi sepadu dan sesuai dengan tujuan pelajaran; menjawab soalan karangan ekspositori yang diajukan berdasarkan hujah-hujah yang dikaji dan disaring bersama. Kemuncak rangka kerja GRRF adalah fasa pembelajaran kendiri .

Para pelajar dijangka dapat melakukan tugasan yang diberikan berdasarkan pengalaman dan pengetahuan yang telah mereka kumpulkan dalam sesi-sesi pembelajaran yang lalu. Secara formatif, para pelajar boleh memanifestasikan pemahaman mereka melalui kajian, kerja projek maupun pembentangan. Secara sumatif, pemahaman pelajar dapat dinilai menerusi soalan karangan ekspositori yang tersedia dalam kertas ujian dan peperiksaan.

Kod QR merupakan singkatan bagi *Quick Response Code* atau Kod Respons Cepat. Bermula sebagai alat imbasan cepat bagi industri kereta dan perkapalan, kod QR kini digunakan dengan lebih meluas dalam sektor kewangan dan komersil. Malah, potensi kod QR sebagai alat menyimpan data ringkas semakin mendapat perhatian para pengkaji dan pendidik.

Berikut merupakan kod-kod QR versi satu, empat dan sepuluh.

Rajah 2: Kod-kod QR



Versi satu



Versi empat



Versi sepuluh

Kajian ini turut menggunakan kod QR yang berbeza untuk menyampaikan arahan, maklumat mahupun fail-fail media kepada pelajar. Pelajar yang mengetahui penggunaan kod-kod tersebut pula boleh menjangkakan beban kerja yang bakal mereka terima daripada guru setelah melihat versi kod QR yang diberikan.

Subjek Kajian

Subjek kajian merupakan pelajar dari kelas Menengah 3 pada tahun 2012. Mereka merupakan para pelajar Menengah 3 kursus Bahasa Melayu Lanjutan dan Bahasa Melayu aliran Ekspres. Terdapat 16 orang pelajar Bahasa Melayu Lanjutan dan 24 orang pelajar Bahasa Melayu aliran Ekspres. Merujuk Peperiksaan Akhir Tahun 2011 Sekolah Menengah Ngee Ann, seramai empat pelajar sahaja yang menjawab soalan karangan ekspositori. Seperti yang dijangkakan, pelajar-pelajar yang menjawab soalan karangan ekspositori mendapat markah yang sangat rendah. Malangnya, pelajar-pelajar yang menjawab soalan karangan naratif atau deskriptif juga memperoleh markah yang kurang memuaskan. Hanya segelintir pelajar sahaja yang kerap membaca bahan bahasa Melayu. Hampir semua pelajar membaca sekurang-kurangnya satu artikel akhbar bahasa Melayu dan menonton siaran warta berita di kaca televisyen setiap hari.

Instrumen Kajian

Kajian ini mengaplikasikan rangka kerja GRRF dan kod QR. Di samping itu, pemantauan guru semasa kajian ini dijalankan turut direkodkan sebagai daptan kajian. Guru menilai respons pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan termasuklah hasil kerja pelajar secara individu dan berkumpulan ketika menjawab soalan karangan ekspositori. Bagi meneliti penerimaan pelajar terhadap strategi pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan, borang maklum balas diberikan kepada pelajar.

Prosedur Kajian

Sebelum pembelajaran bermula, guru memastikan pelajar telah memuat turun aplikasi *QR Reader* di dalam telefon bimbit bijak mereka. Memandangkan aktiviti selanjutnya merupakan kerja berkumpulan, setiap kumpulan hanya memerlukan seorang pelajar sahaja untuk memuat turunkan aplikasi tersebut.

Bagi set induksi, guru telah memilih beberapa orang pelajar untuk melakonkan sebuah sketsa. Sketsa tersebut menggambarkan satu senario mengenai dua kumpulan pelajar berlainan bangsa dan agama sedang menghadapi masalah bergaul dan memahami satu sama lain. Sketsa selama lima minit itu berakhir apabila mereka hampir-hampir bertelagah sesama sendiri.

Guru menggunakan peluang tersebut untuk bertanya tentang pandangan mereka mengenai senario yang baru dipaparkan. Beberapa soalan diberikan sebagai panduan. Antaranya:

1. Apakah yang telah terjadi?
2. Mengapa kejadian itu berlaku?
3. Bagaimanakah perkara sebegini boleh dielakkan?

Pelajar digalakkan memberikan respons secara lisan. Seterusnya, guru memberikan setiap kumpulan lembaran kerja yang mengandungi kod-kod QR. Pelajar dikehendaki menggunakan aplikasi *QR Reader* untuk mengimbas kod-kod tersebut. Dengan menggunakan telefon bimbit mereka, pelajar melungsuri laman web khusus untuk kumpulan mereka. Mereka diarah mengumpulkan maklumat daripada petikan akhbar atau klip video yang berkaitan dengan topik keharmonian kaum. Aktiviti terarah ini membolehkan para pelajar mengumpulkan seberapa banyak maklumat yang termampu untuk dibentangkan kepada kumpulan-kumpulan yang lain. Antara petikan yang dibaca melalui telefon bimbit bijak pelajar ialah petikan akhbar daripada laman web cyberita mengenai langkah-langkah proaktif yang diambil oleh pemerintah dalam mengekang masalah perkauman. Selepas mengumpulkan maklumat yang relevan, setiap kumpulan berkongsi dapatan mereka kepada rakan-rakan yang lain.

Bagi aktiviti seterusnya, pelajar mengimbas kod-kod QR yang mengandungi maklumat mengenai karangan ekspositori. Guru menggunakan laman web *slideshare* untuk memuatnaikkan nota-nota bagi pengajaran karangan tersebut. Setiap kumpulan diberikan lembaran kerja untuk menjawab beberapa soalan yang berkaitan bagi menguji pemahaman mereka. Pada peringkat ini, guru bertindak sebagai pembimbing.

Selanjutnya, secara berkumpulan, pelajar menghasilkan satu perenggan menggunakan isi yang telah mereka peroleh daripada aktiviti pertama dengan menggunakan teknik penulisan karangan ekspositori yang mereka pelajari dalam aktiviti kedua. Setelah itu, hasil kerja mereka akan disemak dan dinilai oleh kumpulan yang lain.

Dapatan Kajian

Berdasarkan pemantauan dan pemerhatian guru, pelajar menampakkan respons yang positif dalam menangani soalan karangan ekspositori yang disediakan. Mereka menunjukkan kesungguhan dan daya kreativiti yang menggalakkan semasa menjalankan aktiviti yang dirancang. Dalam fasa pertama, para pelajar diberikan bimbingan yang menyeluruh lantas membenarkan mereka untuk menjangka produk akhir yang diingini guru pada akhir unit tersebut. Dengan mengikuti arahan-arahan yang diberikan melalui kod QR yang ditayangkan, para pelajar dapat berbincang dengan efektif dalam kumpulan kecil ataupun secara berpasangan mengenai topik dalam pembelajaran tersebut.

Antara contoh-contoh hasil perbincangan para pelajar:

Arahan:

Imbasi kod QR yang kamu terima. Bincangkan kesesuaian dan kerelevanan gambar dan video tersebut sebagai bahan hujahan bagi karangan kamu.

Respons Kumpulan A:

“Gambar yang Cikgu berikan ini agak sesuai. Namun gambar ini berdasarkan kes rusuhan di Malaysia. Jika gambar ini berdasarkan kes di Singapura, kami dapat mengingati peristiwa itu dengan lebih baik. Selain itu, jika video-video yang dimainkan menggunakan bahasa Melayu, video ini akan menjadi lebih elok. Kami tidak perlu memikirkan terjemahan kata-kata bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu.”

Dapatan kajian ini juga memperlihatkan kebolehan para pelajar untuk menelaah, menyaring dan memilih maklumat yang penting dan relevan bagi eseи ekspositori mereka. Malah, mereka menunjukkan daya pemikiran dan pemilihan yang matang ketika membahaskan kesesuaian sesebuah sumber

dan bahan bacaan untuk dijadikan bahan penulisan karangan mereka. Para guru juga meluahkan perasaan terkejut atas pencapaian pelajar dalam jangka masa yang singkat. Secara keseluruhan, para guru berpandangan bahawa hujah yang diketengahkan oleh pelajar dalam karangan mereka semakin bernas, padat dan bermutu. Selain itu, pelajar juga kelihatan lebih pragmatik dalam mengutarakan kenyataan-kenyataan yang lebih seimbang dan adil. Umpamanya:

Soalan: Mengapakah semangat keharmonian kaum perlu disemai dalam diri setiap rakyat Singapura?

Pelajar A:

“Salah satu sebabnya adalah supaya setiap orang boleh bekerjasama dengan kaum yang lain. Jika setiap pekerja yang berbeza bangsanya kerap bergaduh atas perkara-perkara yang kecil, tempat kerja itu tidak akan menjadi aman. Sebagai contoh, rusuhan kaum yang pernah berlaku di Singapura dahulu menunjukkan betapa pentingnya untuk kita menyemai semangat keharmonian kaum. Apabila satu kaum tidak dapat memahami kaum yang lain, ini boleh mengakibatkan pergaduhan yang berakhir dengan kecederaan dan kematian. Namun, jika setiap rakyat Singapura menghormati budaya kaum lain, kita boleh mengelakkan rusuhan seperti dahulu daripada berlaku.”

Dengan menganalisis respons para pelajar melalui borang maklum balas dan borang renungan yang mereka lengkapkan, didapati bahawa pelajar amat menikmati sesi pembelajaran yang dijalankan. Berikut adalah contoh respons pelajar terhadap strategi pengajaran yang dijalankan:

Pelajar B:

“Saya seperti orang jakun apablia menggunakan kod QR dalam sesi pembelajaran ini. Tetapi sesi pembelajaran ini

sungguh menyeronokkan dan membuat saya melihat kod-kod QR dengan perspektif yang berbeza.”

Pelajar C:

“Saya ingin mengikuti kelas sebegini setiap hari kerana kelas ini tidak membosankan dan saya dapat menggunakan telefon bimbit bijak saya di dalam kelas.”

Pelajar D:

“Akhirnya, kita dapat menggunakan aplikasi telefon dengan relevan di dalam kelas. Saya mahu menerima nota, tugas dan kerja-kerja projek saya melalui kod-kod QR. Kita elakkan pembaziran daripada mencetak lembaran-lembaran kerja itu.”

Pelajar E:


“Kelas ini sungguh berkesan kerana saya dapat bekerjasama dengan rakan-rakan saya. Kita juga dapat menggunakan alat ICT untuk mencari maklumat dan menambahkan pengetahuan kita tentang apa yang patut ditulis dalam karangan.”

Berdasarkan borang maklum balas yang diberikan, pelajar mengakui keberkesanan dan elemen keseronokan yang ada dalam sesi-sesi tersebut. Rajah 3 menunjukkan respons pelajar merentasi kedua-dua kelas tersebut mengenai:

1. minat mereka terhadap sesi pembelajaran yang dijalankan;
2. kerelevan set kemahiran yang dikemukakan untuk menulis sebuah karangan ekspositori yang bermutu;
3. keseronokan sesi pelajaran tersebut; dan

4. keberkesanannya sesi pembelajaran tersebut yang mendorong mereka untuk cuba menjawab soalan karangan ekspositori tanpa ragu-ragu.

Rajah 3: Maklum Balas Pelajar Mengenai Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Karangan Ekspositori dengan Menggunakan Kod QR



Secara keseluruhan, strategi pengajaran dan pembelajaran ini telah memberikan kesan positif kepada para pelajar. Pelajar juga dapat melihat manfaat yang boleh diraih daripada sesi-sesi yang diikuti dalam meningkatkan keyakinan dan prestasi mereka untuk menjawab soalan karangan jenis ekspositori. Pelajar juga mengakui kerelevanannya strategi pembelajaran dan pengajaran sebegini sesuai dengan tuntutan dan selera para pelajar pada zaman ini. Tambahan lagi, pelajar juga berpendapat bahawa strategi ini boleh diperhalus, diperbaik dan dijadikan sebuah pakej yang utuh lantas berpotensi untuk diimplementasikan sebagai sebuah kurikulum berasaskan sekolah.

Kesimpulan

Terdapat pelbagai cabaran yang mewarnai perjalanan kajian ini. Pertama, tidak semua pelajar yang dapat menepati keperluan perkakasan untuk setiap sesi pembelajaran.

Sesetengah pelajar tidak memiliki telefon bimbit bijak yang boleh memuat turunkan aplikasi penjana kod QR dan pengimbasnya. Justeru, pelajar-pelajar tersebut terpaksa meminta ihsan rakan-rakan yang ingin berkongsi telefon bersama mereka. Tambahan lagi, masalah pengemaskinian perisian penjana kod QR dan pengimbasnya turut timbul dalam kajian ini.

Demi menangani masalah ini, guru memastikan pelajar memuat turunkan aplikasi yang sama dan menyemak sama ada mereka mempunyai versi aplikasi yang terkini. Prasarana teknologi maklumat juga kadangkala menjadi kendala apabila kemampuan internet jalur lebar di sekolah dikompromi akibat terlalu banyaknya pengguna Internet yang merujuk kepada sumber yang sama di alamat URL yang sama. Kajian ini menunjukkan potensi yang terkandung dalam penggunaan kod-kod QR untuk menggilap kemahiran para pelajar menulis. Guru berhasrat untuk memperhalus strategi dan rancangan pengajaran yang sedia ada dengan melibatkan peralatan dan aplikasi yang sesuai dalam pelantar media sosial bagi tujuan melengkapkan kerja projek.

Rujukan

Aldrich, C. (2005). Learning by Doing: A Comprehensive Guide to Simulations. Computer Games and Pedagogy dalam *E-learning and Other Educational Experiences*. San Francisco: Jossey-Bass.

Bennet, N. dan Cass, A. (1988). The Effects of Group Composition on Group Interactive Processes and Pupil Understanding. *British Educational Research Journal*, 15, 19-32.

Fisher, D. dan Frey, N. (2008). *Better Learning Through*

Structured Teaching: A Framework for the Gradual Release of Responsibility. Virginia: Association for Supervision and Curriculum Development (ASCD).

Roebuck, K. (2011). *QR Code: High-Impact Strategies - What You Need to Know: Definitions, Adoptions, Impact, Benefits.* New York: Tebbo.